

PENGARUH DAN KESAN PENULISAN
AL-IMĀM AL-SANŪSĪ TERHADAP ILMU TAUHID
DI SELATAN THAILAND

MASAKAREE ARDAE

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2008

**PENGARUH DAN KESAN PENULISAN
AL-IMĀM AL-SANŪSĪ TERHADAP ILMU TAUHID
DI SELATAN THAILAND**

oleh

MASAKAREE ARDAE

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2008



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Taala Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian hanya kepada Allah Taala, Tuhan Penguasa Alam. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan kita, Nabi Besar Muhammad (s.a.w.), Rasul terakhir dan manusia teragung lagi mulia, seterusnya kepada segenap keluarga baginda, para sahabat dan pengikut-pengikutnya yang telah berkorban tenaga dan harta demi menjunjung agama Allah Taala hingga ke hari kiamat.

Al-Hāmd li Allāh, dengan memanjatkan rasa syukur yang sedalam-dalamnya kepada Allah Taala kerana dengan taufik dan hidayat-Nya saya berjaya menyelesaikan tesis ini. Seiring dengan kejayaan ini saya sangat terhutang budi kepada Profesor Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah bin Abdullah al-Edrus dan Profesor Madya Dr. Zailan binti Moris dari Universiti Sains Malaysia sebagai penyelia utama yang banyak memberi nasihat dan bimbingan hingga kajian ini dapat dilengkapkan. Dalam kesempatan ini juga ingin saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Ambigapathy Pandian, Pemangku Dekan Institut Pengajian Siswazah, Profesor Dato' Abu Talib Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, juga kepada seluruh kakitangan akademik dan demikian juga para pegawai di USM.

Ucapan terima kasih juga kepada Dr. Abdul Rahman Haji Abdullah (USM.), Profesor Madya Kamil Abdul Majid (UM.), Profesor Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo (KUIM.), Haji Wan Mohammad Shagir Abdullah (Pusat Penyelidikan & Penyebaran Khazanah Islam Klasik dan Moden Dunia Melayu) dan Profesor Madya Dr. Mudasir Rosder (UKM.) yang telah mengorbankan sebahagian masa mereka untuk memberi nasihat dan juga kepada Tuan Guru Haji Ibrahim bin Abdullah yang telah membantu sebahagian daripada buku-buku rujukan kepunyaan beliau. Saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada para guru saya dalam bidang pengajian usul di Patani, Mesir dan Tunisia yang telah mengajar saya banyak perkara yang tidak terkandung dalam buku-buku.

Setinggi penghargaan juga ingin saya sampaikan kepada kakitangan Khazanah Fathaniyah, Gombak, Maktabah Daulah al-Kuwīt al-‘Āmah, Universiti Islam Yala, Kampus Patani, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Perpustakaan Awam Islam, Kuala Lumpur, Perpustakaan Hamzah Sendut I, USM., Perpustakaan Hamzah Sendut II, USM., Perpustakaan Kolej Pengajian Islam, PSU., Patani, Perpustakaan Pengajian Islam, UM., Perpustakaan Pusat Islam USM., Perpustakaan Universiti Islam Yala, Kampus Yala dan Perpustakaan USM. Kampus Cawangan Perak yang telah banyak memberi pertolongan dan kemudahan kepada saya.

Untaian terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang menyediakan peruntukan geran penyelidikan sebanyak RM250.00, para imam masjid di selatan Thailand yang sudi membeli buku *Khutbah Jumaat dan Dua Hari Raya*

karangan saya dan juga Ustaz Salahuddin bin Haji Ghozali dan Unit Perumahan dan Penginapan Universiti yang menyediakan tempat kediaman untuk saya sekeluarga.

Tidak lupa juga penghargaan kepada isteri saya Atiyah binti Haji Ibrahim yang banyak berkorban sepanjang menghasilkan tesis ini, juga anak saya Fatimah yang turut berkorban dalam mengharungi suka duka perjuangan dalam alam ilmu pengetahuan dengan harapan kelak anakanda dapat memahami betapa tingginya nilai ilmu pengetahuan. Selanjutnya, penghargaan teristimewa saya sampaikan kepada ibu saya Hajah Halimah binti Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullatif yang telah berkorban jiwa, tenaga dan sebahagian hartanya untuk keperluan pengajian saya semenjak awal hingga ke hari ini dan juga kepada bapa saya al-Marhum Nik Wan bin al-Marhum Nik Ibrahim yang telah mewariskan sebahagian hartanya untuk keperluan segala urusan hidup saya. Segala keikhlasan mereka semua, didoakan dengan kebajikan juga daripada Allah Taala.

Akhir kata saya berdoa mudah-mudahan tesis ini dapat menyumbang ke arah menyuburkan ilmu Tauhid di selatan Thailand, khususnya, dan di alam Melayu keseluruhannya serta pada peringkat antarabangsa, umumnya. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua yang terlibat. Semoga segala usaha yang mulia ini mendapat manfaat dan menjadi amalan jariyah kepada semua khususnya bapa, datuk dan nenek saya al-Marhumah Tuk Cik Wa semoga menikmati kebahagiaan di alam ghaib. *Āmīn. Yā Rabba al-‘Ālamīn.*

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	v
SENARAI TRANSLITERASI	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	5
1.2 Kajian Lalu	13
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Skop Kajian	16
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Metodologi Kajian	22
NOTA BAB SATU	28
BAB DUA : SEJARAH KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN PENULISAN AL-IMĀM AL-SANŪSĪ	
2.0 Pengenalan	29
2.1 Biografi Ringkas al-Imām al-Sanūsī	30
2.1.1 Riwayat Hidup al-Imām al-Sanūsī	30

2.1.2	Latar Belakang Pendidikan al-Imām al-Sanūsī	32
2.1.3	Guru-guru	32
2.1.4	Hasil Karya	33
2.2	Faktor-faktor Kemunculan Penulisan al-Imām al-Sanūsī	36
2.2.1	Faktor Dalaman	41
2.2.1(a)	Fitrah Manusia	41
2.2.1(b)	Fahaman Ajaran Islam	43
2.2.1(c)	Siasah atau Politik	45
2.2.2	Faktor Luaran	47
2.2.2(a)	Pemikiran dan Kepercayaan Agama Asing	48
2.2.2(b)	Pemikiran Falsafah Asing	54
2.3	Perkembangan Penulisan al-Imām al-Sanūsī	63
2.3.1	Mesir	64
2.3.2	Mekah	65
2.3.3	Nusantara	67
2.3.4	Eropah	73
2.4	Kesimpulan	76
	NOTA BAB DUA	77

BAB TIGA : AJARAN PENULISAN AL-IMĀM AL-SANŪSĪ DALAM ILMU TAUHID

3.0	Pengenalan	79
3.1	Bahagian Pendahuluan	80
3.2	Bahagian yang Wajib bagi Zat Allah Taala	82
3.2.1	Sifat <i>Nafsiyyah</i>	83
3.2.2	Sifat <i>Salbiyyah</i>	85
3.2.3	Sifat <i>al-Ma ‘ānī</i>	98
3.2.4	Sifat <i>Ma ‘nawiyyah</i>	103
3.3	Bahagian yang Mustahil bagi Zat Allah Taala	106
3.4	Bahagian yang Harus bagi Zat Allah Taala	112
3.5	Bahagian Tanda-tanda	112

3.6	Kesimpulan	128
-----	------------	-----

NOTA BAB TIGA	129
---------------	-----

BAB EMPAT : SEJARAH ILMU TAUHID DI SELATAN THAILAND

4.0	Pengenalan	131
4.1	Sebelum Kedatangan Penulisan al-Imām al-Sanūsī	132
4.2	Kedatangan Penulisan al-Imām al-Sanūsī	134
4.3	Tokoh Ulama yang telah Bertanggungjawab untuk Mengajar dan Menyebarkan Luas Penulisan al-Imām al-Sanūsī	139
4.3.1	Syeikh Daud	140
4.3.2	Syeikh Ahmad	141
4.3.3	Syeikh Zainal Abidin	144
4.3.4	Ismail bin Abdul Qadir al-Fatānī	145
4.3.5	Abdul Qadir bin Wangah	147
4.3.6	Ismail bin Omar	150
4.4	Kitab-kitab Warisan Ilmu Tauhid	152
4.4.1	Kitab-kitab Karangan Ulama Asing	152
4.4.2	Kitab-kitab Karangan Ulama Tempatan	160
4.5	Cabaran-cabaran yang Dihadapi oleh Penulisan al-Imām al-Sanūsī	169
4.5.1	Golongan Salafiah	170
4.5.2	Program Pembaikan Pendidikan	174
4.6	Kesimpulan	177

NOTA BAB EMPAT	178
----------------	-----

BAB LIMA : AJARAN ILMU TAUHID DALAM KONTEKS SIFAT ALLAH TAALA DI SELATAN THAILAND

5.0	Pengenalan	179
-----	------------	-----

5.1	Ajaran Ilmu Tauhid dalam Konteks Sifat Allah Taala dalam Sistem Pengajian Pondok	180
5.2	Ajaran Ilmu Tauhid dalam Konteks Sifat Allah Taala di Sekolah Swasta Mengajar Agama Islam	196
5.3	Ajaran Ilmu Tauhid dalam Konteks Sifat Allah Taala di Sekolah Swasta Mengajar Agama Islam (Salafiah)	211
5.4	Kesimpulan	222
	NOTA BAB LIMA	224

**BAB ENAM : PENGARUH DAN KESAN AJARAN PENULISAN
AL-IMĀM AL-SANŪSĪ TERHADAP AJARAN ILMU
TAUHID DI SELATAN THAILAND DAN MASA
DEPANNYA**

6.0	Pengenalan	225
6.1	Pengaruh dan Kesan Ajaran Penulisan al-Imām al-Sanūsī terhadap Ajaran Ilmu Tauhid	226
	6.1.1 Teks Asal	228
	6.1.2 Bahagian-bahagian dan Susunannya	229
	6.1.2(a) Bahagian-bahagian	229
	6.1.2(b) Susunan Bahagian-bahagian	230
	6.1.3 Bahagian Pendahuluan	231
	6.1.4 Bahagian yang Wajib bagi Zat Allah Taala	234
	6.1.5 Bahagian yang Mustahil bagi Zat Allah Taala	237
	6.1.6 Bahagian yang Harus bagi Zat Allah Taala	238
	6.1.7 Bahagian Tanda-tanda	239
6.2	Masa Depan Penulisan al-Imām al-Sanūsī di Selatan Thailand	248
	6.2.1 Teks Asal	249
	6.2.2 Bahagian-bahagian dan Susunannya	249
	6.2.3 Bahagian Pendahuluan	250
	6.2.4 Bahagian yang Wajib bagi Zat Allah Taala	251
	6.2.5 Bahagian yang Mustahil dan Harus bagi Zat Allah Taala	251
	6.2.6 Bahagian Tanda-tanda	252

6.3	Kesimpulan	252
-----	------------	-----

	NOTA BAB ENAM	253
--	---------------	-----

BAB TUJUH : KESIMPULAN

7.0	Pengenalan	254
-----	------------	-----

7.1	Penemuan Kajian	255
-----	-----------------	-----

7.3	Cadangan/Saranan	263
-----	------------------	-----

	SENARAI RUJUKAN	268
--	------------------------	-----

SENARAI TRANSLITERASI

1. Konsonan

Rumi	Arab	Rumi	Arab
-	ا	t□	ط
b	ب	z□	ظ
t	ت	'	ع
th	ث	gh	غ
j	ج	f	ف
h□	ح	q	ق
kh	خ	k	ك
d	د	l	ل
dh	ذ	m	م
r	ر	n	ن
z	ز	w	و
s	س	h	ه
sy	ش	,	ء
s□	ص	y	ي
d□	ض		

2. Vokal

Pendek

Rumi	Arab
a	اَ
i	اِ
u	اُ

Panjang

Rumi	Arab
ā	اَ
ī	يِ
ū	وِ

Diftong

Rumi	Arab
aw	او
ay	اي

Sumber : Dewan Bahasa dan Pustaka (1992). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s 1-3.

SENARAI SINGKATAN

a.s	: ‘Alayhi al-Salām / ‘Alayhā-Salām / ‘Alayhim al-Salām
B.	: Buddha
ed.	: Edisi
H.	: Hijrah
Jil.	: Jilid
l.v.	: Aneka tempat penerbitan
M.	: Masihi
m.	: meninggal/mati
m.m	: Mulai memerintah
MS	: Manuskrip
m.s.	: Muka surat
r.a.	: Radīya Allah ‘anhu
s.a.w.	: Sālla Allāh ‘alayhi wa Sallam
s.w.t.	: Subhānahu wa Ta‘ālā
terj.	: Terjemahan
t.k.	: Tanpa kota atau tempat diterbitkan
t.p.	: Tanpa penerbit
t.th.	: Tanpa tahun
Vol.	: Volume

**PENGARUH DAN KESAN PENULISAN
AL-IMĀM AL-SANŪSĪ TERHADAP ILMU TAUHID
DI SELATAN THAILAND**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menjawab tiga soalan utama penyelidikan, iaitu: (1) Siapakah tokoh ulama yang telah bertanggungjawab untuk mengajar dan menyebarkan luas penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī? (2) Sejauh manakah pengaruh dan kesan ajaran penulisan tersebut terhadap ilmu Tauhid di selatan Thailand? dan (3) Adakah ia boleh bertahan dan mengatasi arus penyebaran fahaman yang berasaskan ajaran *Salaf* dan *Program Pembaikan Pendidikan* di sekitar wilayah selatan Thailand yang berlaku pada masa ini? Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dan analisis teks. Kajian ini menggunakan sumber data perpustakaan yang berkaitan dengan soalan utama penyelidikan seperti buku, manuskrip, ensiklopedia, majalah, kertaskerja, laman web dan sebagainya, sama ada yang terdapat di kalangan Tuan Guru, penyelidik, bekas pelajar, tokoh-tokoh tempatan dan lain-lain. Hasil kajian menyatakan bahawa pada awal abad ke-19M., Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī (m.1879M.) telah bertanggungjawab untuk mengajar ajaran penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī kepada para penuntut di alam Melayu khususnya selatan Thailand dan disebar luas kemudiannya oleh tokoh ulama yang begitu ramai seperti Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatānī (m.1906M.), Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatānī (m.1913M.), Ismail bin Abdul Qadir al-Fatānī (m.1965M.), Abdul Qadir bin Wangah (m.1991M.) dan Ismail bin Omar bin Awwam

al-Da‘alajī al-Sapanjanjī al-Fatḥānī. Dengan itu, perbincangan ilmu Tauhid di selatan Thailand lebih menjurus pada Sifat Dua Puluh Allah Taala di samping menetapkan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagiNya serta memperkasakan hujah-hujah dengan dalil-dalil akal khususnya dalil-dalil yang berkaitan dengan alam semesta dan hakikatnya. Sekalipun, munculnya cabaran-cabaran daripada beberapa pihak seperti *Program Pembaikan Pendidikan* dan golongan Salafiah, namun ajaran penulisan al-Imām al-Sanūsī tetap relevan dan berfungsi dalam ilmu Tauhid di selatan Thailand, khususnya 13 sifat Allah Taala yang berkaitan dengan ayat al-Quran secara langsung iaitu *al-Wujūd*, *al-Qidam*, *al-Baqā’*, *Mukhālafatuhu Ta‘ālā li al-Hawādith*, *Qiyāmuhu Ta‘ālā bi Nafsih*, *al-Wahdāniyyah*, *al-Qudrah*, *al-Irādah*, *al-‘Ilm*, *al-Hayāh*, *al-Sam‘*, *al-Basār* dan *al-Kalām*.

**THE INFLUENCE AND IMPACT OF
AL-IMĀM AL-SANŪSĪ'S WRITINGS ON ISLAMIC THEOLOGY
IN SOUTHERN THAILAND**

ABSTRACT

The aim of this research is to answer three key research questions: (1) Who are the religious scholars who have been responsible in teaching and spreading al-Imām al-Sanūsī's *Umm al-Barāhīn*? (2) What is the extent of the influence and impact of al-Imām al-Sanūsī's writing and teaching on Islamic theology in southern Thailand? (3) Can al-Imām al-Sanūsī's writing survive and overcome the prevalent ideology which is based on *Salafī* teachings and also that of the Educational Reformation Programme in southern Thailand? In this study, the researcher makes use of the historical method and textual analysis. This research is based mainly on books, manuscripts, encyclopedias, magazines, working papers, websites and others which are related to the key research questions that are available among traditional scholars, researchers, ex-students, local leaders and others. The result of the research has shown that by early 19th century, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī (d. 1879) has been responsible in teaching the *Umm al-Barāhīn* of al-Imām al-Sanūsī to numerous students in the Malay world, particularly in southern Thailand. This effort was continued by subsequent religious scholars such as Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatānī (d. 1906), Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatānī (d. 1913), Ismail bin Abdul Qadir al-Fatānī (d. 1965), Abdul Qadir bin Wangah (d. 1991) and Ismail bin Omar bin Awwam al-Da'alajī al-Sapanjanjī al-Fatānī. The discussion on Islamic theology in southern Thailand mainly revolves

around the Twenty Attributes of Allah Taala such as His necessary, possible and impossible attributes, together with their arguments and evidences. Although there are challenges from certain quarters such as the Educational Reformation Programme and the Salafis, al-Imām al-Sanūsī's writings remain relevant and operational in the teachings of Islamic theology in southern Thailand, especially the 13 Attributes of Allah Taala that relate directly with Quranic verses, that is: (i) Existence, (ii) Being from eternity, (iii) Being to eternity, (iv) His Otherness from originated things, (v) His Selfsubsistence, (vi) His Uniqueness, (vii) Power (viii) Will, (ix) Knowledge, (x) Life, (xi) Hearing, (xii) Sight, and (xiii) Speech.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Di Pulau Sumatera terdapat sebuah negeri yang bernama Pasai (1279-1409M.). Seluruh rakyatnya telah memeluk agama Islam tetapi di sekeliling negerinya masih ramai lagi yang beragama Hindu. Dengan itu, negeri Pasai selalu diserang oleh orang-orang Hindu sehingga menyebabkan orang-orang Islam di negeri Pasai sentiasa hidup menderita kesusahan dan sebahagian daripada mereka itu telah berpindah ke negeri lain untuk menyelamatkan diri masing-masing. Pada abad ke-14M., ada di antara mereka yang telah melarikan diri menuju ke negeri Patani¹. Semenjak itu negeri Patani mula menerima kedatangan orang Islam dari negeri Pasai dan mereka telah membuat sebuah kampung di situ. Sekalian penduduknya ialah orang-orang Pasai belaka (Ibrahim Syukri, 2002 : 31).

Pada akhir abad ke-14M. atau awal abad ke-15M., Masyarakat Patani telah memeluk agama Islam (Bougas, 1994 : 77). Berlakunya peristiwa ini adalah kerana Syeikh Said atau Safiuddin seorang pendakwah Islam yang berasal dari negeri Pasai telah melancarkan dakwahnya kepada Raja Patani Phaya Tu Naqpa. Seterusnya diikuti oleh para pegawai istana, pembesar kerajaan, menteri, hulubalang dan segala rakyat jelata yang hadir (*Hikayat Patani*, 1992 : 7). Pada masa inilah para ulama mulai mengambil tempat dan kedudukan di Patani, dan Islam mulai tersebar luas ke segenap pelosok negeri Patani dan di sekitarnya. Maka setelah itu Patani mulai membentuk jati dirinya menjadi sebuah negeri Melayu yang kuat dan sangat berperanan dalam penyebaran dakwah Islamiah hingga Patani menjadi salah sebuah pusat perkembangan Islam di alam Melayu.

Konsep pembelajaran terutamanya tentang fardu ain dan fardu kifayah telah wujud melalui institusi seperti surau, balai, madrasah, dan masjid, tetapi pusat pengajian Islam dan kegiatannya pada masa tersebut adalah di istana sultan. Sementara itu, Patani juga berkembang menjadi pusat penyebaran pengajaran agama Islam melalui institusi pengajian Islam yang dipanggil pondok. Sistem ini kali pertama dimulakan di kampung Sena oleh Fakih Wan Musa bin Wan Muhammad Salih al-Laḳīhī pada separuh kedua abad ke-16M. Seterusnya pada awal abad yang ke-17M., anak saudaranya iaitu Wan Husain Snawi membuka pula sebuah pondok di kampung Telok Manak, setelah itu muncul pula di kampung Pauh Bok pada penghujung abad ke-17M. dan berterusan hingga sepanjang abad ke-18M. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2001 : 16). Mengikut latar belakang pengajian asas bagi Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī²(selepas ini akan disebutkan sebagai Syeikh Daud) yang belajar di Patani pada sekitar abad ke-18M., ternyata bahawa di Patani terdapat beberapa buah pondok antaranya seperti Pondok Kuala Bekah, Pondok Kerisik, Pondok Semela dan Pondok Pauh Bok (Bahagian Hal Ehwal Islam, 1991 : x).

Menjelang akhir abad ke-18M. hingga sepanjang abad ke-19M., Patani bukan sahaja berperanan sebagai pusat tamadun Islam bahkan sebagai pusat kegiatan kesusasteraan Melayu berunsur Islam menerusi kelahiran ulama-ulama terkenal serta kitab-kitab karangan mereka yang termasyhur. Para ulama tersebut, bukan sahaja terkenal di rantau ini, malah diakui juga sebagai alim ulama di negara-negara Arab, Turki dan utara Afrika. Selain itu juga, sebahagian daripada mereka telah diiktiraf bertauliah mengajar di Masjid al-Harām, Mekah dan dikunjungi oleh para pelajar Islam dari Sri Lanka, Burma, Kemboja, Vietnam, Filipina, negeri-negeri Tanah

Melayu, dan seluruh Nusantara seperti Sumatera terutama Aceh, Sulawesi, Kalimantan, Jawa, dan Brunei (Mohd. Zamberi A. Malik, 1994 : 95).

Pada masa ini juga wujudnya dua pusat pendidikan Islam yang terkenal di rantau Nusantara, iaitu Aceh dan Patani. Pelajar-pelajar dan ulama-ulama di kedua-dua negeri ini saling kunjung-mengunjungi antara satu sama lain, bahkan bertukar-tukar ilmu antara sesama mereka (Ibrahim Ismail, 1991 : 27). Antara pondok yang terkenal di Patani pada ketika itu dan masih lagi wujud sehingga ke hari ini adalah Pondok Dala, Pondok Berming, Pondok Semela, Pondok Makgo dan lain-lain yang tidak didokumentasikan (Hasan Madmarn, 2002 : 12). Pada zaman kegemilangannya, pondok-pondok ini bukan hanya menjadi tumpuan tuk pake (pelajar) setempat, bahkan juga didatangi pelajar-pelajar dari luar negeri seperti Malaysia, Indonesia (terutama Sumatera), Burma, Filipina, dan Kemboja (Worawit Baru, 1991 : 61).

Demikianlah Patani pernah menyaksikan kemunculan ramai ulama terkemuka yang datang silih berganti mengambil tempat dan memainkan peranan penting dalam sejarah negeri, seperti kata Ahmad Fathy al-Fatani:

Sangat jelas bahawa negeri Patani seolah-olah telah dipilih menjadi “Ardā al-‘Ulamā” [Bumi Ulama] lebih dari Melayu yang lain baik di semenanjung Melayu mahupun di Nusantara (Ahmad Fathy al-Fatani, 2001 : 18)

Itulah Patani, antara pusat tamadun Islam yang terkenal dan berpengaruh pada sejak abad ke-15M. Lantaran berlakunya kemajuan yang pesat dalam bidang

ilmu pengetahuan tentang agama Islam, Patani juga dikenali dengan gelaran *Serambi Mekah* (Nik Anuar Nik Mahmud, 2000 : 13).

Pada keseluruhannya, para ulama ini telah menterjemah, menyusun kitab dan mengajar pelbagai disiplin ilmu yang berhubung kait dengan agama Islam. Namun, tumpuan mereka boleh disimpulkan berfokus pada tiga bidang ilmu utama iaitu Akidah/Tauhid, Syariah/Fikah dan Tasawuf.

Penumpuan mereka [ulama tempatan dari seluruh Asia Tenggara yang telah melanjutkan pengajiannya ke luar negeri, terutama ke Mekah] ialah kepada tiga bidang sahaja iaitu Tauhid yang berlegar di sekitar Sifat Dua Puluh, fikah dan tasawuf (Mahayudin Haji Yahaya, 1998 : 171).

Antara hasil karya para ulama ini adalah *Īdāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb* (Keterangan Bab bagi Seseorang yang Ingin Berkahwin dengan Betul, Syariah/Fikah, 1224H./1808/9M.), *al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’minīn* (Mutiara yang Berharga pada Menyatakan Iktikad Orang yang Mukminin, Akidah/Tauhid, 1232H./1816/7M.), *Minhāj al-‘Ābidīn ilā Jannati Rabb al-‘Ālamīn* (Cara Para Penyembah Sampai ke Syurga Tuhan Sekalian Alam, Tasawuf, 1240/1824/5) karya Syeikh Daud. *Luqṭah al-‘Ajalān fī Mā Tamass ilayhi Hājah al-Insān* (Penemuan Segara pada Apa yang Disentuh kepadanya Hajat Manusia, Tasawuf, 1301H./1883/4M.), *Bahjah al-Mubtadīn wa Farḥah al-Mujtadīn* (Kesenangan Orang-orang yang Menyatakan dan Kesukaan Orang-orang yang Memberi Hadiah, Akidah/Tauhid dan Syariah/Fikah, 1310H./1892/3M.), *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id* (Sebiji Mutiara daripada Beberapa Mutiara yang Mahal pada Bicara Ilmu Akaid, Akidah/Tauhid, 1313H./1895/6M.) karya Syeikh Ahmad

bin Muhammad Zain al-Fatānī (selepas ini akan disebutkan sebagai Syeikh Ahmad).

Para sarjana Patani abad ke-19M. dan karya mereka bukan hanya masyhur di kalangan masyarakat Islam di Thailand, malahan di Malaysia, Indonesia dan Kemboja. Beberapa karya mereka telah disalin dan dicetak semula sejak awal kurun ke-19M. hingga hari ini. Pada masa ini, cendekiawan Islam Patani atau selatan Thailand³ yang mahir dengan kitab jawi masih aktif menghasilkan karya untuk keperluan pemikiran masyarakat Islam keseluruhannya.

1.1 Penyataan Masalah

Akidah Tauhid merupakan satu bidang ilmu yang paling tinggi kedudukannya dalam Islam kerana tujuan utama dijadikan manusia adalah untuk beribadat kepada Allah Taala, sebagaimana firman Allah Taala:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku (al-Dhāriyāt : 56).

Justeru, ibadat kepada Allah Taala tidak akan berlaku kecuali dengan niat yang bererti sengaja beribadat kepada Tuhan, dan sengaja berbuat demikian bentuk tidak akan tercapai kecuali dengan mengenal Allah Taala. Maka mengenal Allah Taala adalah suatu suruhan bagi setiap yang bermukalaf, adapun zan dan taklid tidak memadai dalam bidang akidah (al-Syāfi‘ī, t.th : 7) sebagaimana firman Allah Taala:

فَاعْلَمُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya : Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah (Muhāmmad : 19).

Mengikut catatan Ibn Khaldūn (732-808H./1332-1406M.) ternyata bahawa ramai di kalangan ulama-ulama Islam yang terkemudian lebih banyak terpengaruh dengan ilmu falsafah. Mereka menghimpunkan beberapa jenis ilmu akal yang berbeza-beza menjadi satu ilmu sehingga berlakunya percampuran dalam penulisan ilmu akidah ketuhanan dengan ilmu falsafah yang sukar dibezakan antara satu sama yang lain (Ibn Khaldūn, 1996 : 432).

Percampuran ini menimbulkan kesamaran tentang fahaman akidah orang Islam dan orang ramai (orang awam), seterusnya menjadi keliru dalam soal-soal ketuhanan, urusan-urusan perkara ghaib seperti hal akhirat dan lain-lainnya (Mudasir Rosder, 1989 : 62 dan Abdul Aziz Ambak bin Haji Ismail, 1991 : 82). Seterusnya dipelajari dengan cara ikut-ikutan, tanpa menggunakan fikiran sendiri. Kerananya terhentilah kemajuan ilmu pengetahuan (‘Abduh, 1979 : 54).

Dalam rangka menyelesaikan permasalahan tersebut, al-Imām al-Sanūsī seorang ulama yang berakidah al-Asy‘arī dan fikah Mālikī juga pembangun Islam di utara Afrika pada abad 9H./15M. telah mengasingkan perbahasan yang berkaitan dengan akidah di samping mengemukakan pandangan yang jelas dan bukannya fakta-fakta yang beraneka falsafah. Hasil usaha al-Imām al-Sanūsī ini dinamakan dengan *Umm al-Barāhīn* (Ibu Segala Tanda) disebut juga *‘Aqīdah Ahl al-Tauhīd*

al-Sughrā (Akidah Ahli Tauhid yang Lebih Kecil) atau *Risālah al-Sanūsiyyah* (Sebuah Risalah Golongan al-Sanūsī).

Penulisan ini telah mendapat tempat yang paling tinggi dan ia merupakan kitab rujukan penting dalam bidang akidah Islam di merata tempat khususnya di Nusantara.

Bahawasanya ialah kitab yang kecil pada bicara akidah yang terlebih masyhur pada segala Arab dan Jawi dan Turki dan Hindi dan lainnya akan membaca segala mereka itu akan dia serta diamalkan segala barang yang tersebut di dalamnya (Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sumbāwī, t.th. : 2).

Kitab terakhir ini [*Umm al-Barāhīn*] tidak begitu besar, akan tetapi besar pengaruhnya dalam dunia aliran Asy‘ariyyah, sehingga banyak yang memberikan ulasan kitab tersebut (A. Hanafi, 1974b : 68).

Kitab *Umm al-Barāhīn* karangan al-Sanūsī telah tersebar luas di Nusantara dan sangat popular di kalangan ulama di rantau ini (Mahayudin Haji Yahaya, 2000 : 335).

Oleh sebab penulisan tersebut sangat berguna dan berupaya diamalkan, maka ia turut digemari di Nusantara sehingga aliran Asy‘ariyyah atau Ahli Sunah Waljamaah yang ada di rantau ini ialah yang bercorak Sanūsiyyah (A. Hanafi, 1974b : 68).

Kitab-kitab tentang akidah selepasnya tidak mencapai sebarang kemajuan yang berkesan, kecuali syarah⁴ dan hasyiah⁵ atau hasyiah di atas syarah⁶ (Abdul

Rahman Haji Abdullah, 1990 : 76). Karya-karya yang bersifat syarah atau hasyiah ini tidak hanya terhad di kalangan ulama Arab, bahkan meliputi ulama Jawi.

Antara karya syarah atau hasyiah adalah seperti *Syarh al-Imām al-‘Allāmah Muhāmmad bin Mansūr al-Hudhudī ‘alā Umm al-Barāhīn* (Syarah Imam Yang Amat Mengetahui Muhāmmad bin Mansūr al-Hudhudī kepada *Umm al-Barāhīn*) karya al-Syaikh Muhāmmad bin Mansūr al-Hudhudī (selepas ini akan disebutkan sebagai al-Hudhudī) (tanpa tahun.), *Bidāyah al-Hidāyah* (Permulaan Petunjuk) karya Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyī (selepas ini akan disebutkan sebagai Syeikh Muhammad Zain) (1170H./1756M), *Hāsyiyah al-Syaikh ‘Abd Allāh bin Hājiz al-Syarqāwī ‘alā Syarh al-Imām al-‘Allāmah Muhāmmad bin Mansūr al-Hudhudī ‘alā Umm al-Barāhīn* (Hasyiah al-Syaikh ‘Abd Allāh bin Hājiz al-Syarqāwī di atas Syarah Imam Yang Amat Mengetahui Muhāmmad bin Mansūr al-Hudhudī kepada *Umm al-Barāhīn*) karya al-Syaikh ‘Abd Allāh bin Hājiz al-Syarqāwī (selepas ini akan disebutkan sebagai al-Syarqāwī) (1194H./1779M.), *Hāsyiyah al-Dusūqī ‘alā Umm al-Barāhīn* (Hasyiah al-Dusūqī kepada *Umm al-Barāhīn*) karya al-Syaikh Muhāmmad al-Dusūqī (selepas ini akan disebutkan sebagai al-Dusūqī) (1214H./1799M.), *Hāsyiyah al-‘Allāmah al-Bayjūrī ‘alā Matn al-Sanūsiyyah* (Hasyiah Yang Amat Mengetahui al-Bayjūrī kepada Matan Golongan al-Sanūsī) karya al-Syaikh Ibrāhīm al-Bayjūrī (selepas ini akan disebutkan sebagai al-Bayjūrī) (1227H./1811M.), *Sirāj al-Hudā pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwā* (Lampu Petunjuk pada Menyatakan Akidah Ahli Takwa) karya Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sumbāwī (selepas ini akan disebutkan sebagai Syeikh Muhammad Zainuddin) (1302H./1884M.) dan banyak lagi kitab lain yang sama coraknya.

Selain syarah dan hasyiah, penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa yang berlainan, antaranya terjemahan ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa orang ulama Melayu bermula semenjak Syeikh Muhammad Zain (1756M.), bahasa Jerman oleh Ph. Wolff (1848M.,) bahasa Perancis oleh Luciani (1896M.) dan bahasa Inggeris oleh A.J. Wensinck (1932M.).

Imām al-Sanūsī ialah orang yang bertanggungjawab menyusun matan *Umm al-Barāhīn*. Berasas matannya itulah, para ulama sama ada di Kepulauan Melayu, Benua Afrika mahupun India telah menterjemah, mensyarah dan menyebarkannya di seluruh dunia. Setakat ini tidak kurang dari lima puluh buah kitab syarah *Umm al-Barāhīn* dalam pelbagai bahasa telah dikenal pasti (Razi Jusoh, 2000 : 41).

Syarah, hasyiah dan terjemahan Melayu tersebut telah memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu Tauhid para ulama Islam di Asia Tenggara dan diguna pakai seterusnya oleh umat Islam di rantau tersebut. Sehingga kini dibaca dan dipelajari di pondok-pondok, masjid-masjid dan menjadi buku rujukan dalam bidang ilmu Tauhid.

Antara ajaran penulisan al-Imām al-Sanūsī yang sangat berpengaruh dan berkesan di Asia Tenggara adalah ajaran yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah Taala yang dua puluh.

Kebanyakan buku-buku dan kitab-kitab dalam bidang akidah adalah menjurus kepada Ilmu Sifat Dua Puluh (Abdulfatah Haron Ibrahim, 2003 : 2).

Apabila akidah Tauhid merupakan satu bidang ilmu yang paling tinggi kedudukannya dalam Islam dan ajaran penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī

tentangnya telah mendapat tempat yang paling tinggi, berpengaruh dan berkesan di merata tempat khususnya di alam Melayu, maka sejauh manakah pengaruh dan kesan ajaran penulisan tersebut terhadap ilmu Tauhid di sekitar kawasan yang pernah menjadi pusat pendidikan Islam yang terkenal di rantau Nusantara iaitu Patani atau selatan Thailand?. Seterusnya akan melihat siapakah tokoh ulama yang telah bertanggungjawab untuk mengajar dan menyebarkanluaskannya?.

Sebaran ajaran penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī berlangsung beberapa ketika sehingga lahirnya zaman mutakhir dengan penyebaran fahaman yang berdasarkan kepada mempertahankan ajaran *Salaf* dalam masyarakat Muslim dengan mengubah fahaman yang sedia ada dan seterusnya diamalkan.

Gerakan moderan Islam di negeri kita [Indonesia], seperti juga di negeri Islam lain, bermula dengan soal-soal *'ubūdiyyah* [mengabdikan diri kepada Allah Taala]. Dalam rangka ini faham gerakan tersebut berusaha mengubah faham tradisional (Deliar Noer, 1980 : vii).

Antara fahaman yang berusaha ke arah perubahan seperti fahaman Ibn Taymiyyah (1262-1327M.), Muḥammad 'Abd al-Wahhāb (1703-1792M.), Muḥammad 'Abduh (m.1905M.), Ahmad Dahlan (1868-1923M.), Muḥammad Rasyīd Ridwā (m.1935M.), Muḥammad Iqbāl (m.1938M.), Haji Wan Musa bin Abdul Samad (1874-1939M.), Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1957M.) dan lain-lain lagi.

Fahaman tokoh-tokoh tersebut sangat berpengaruh dan berkembang dalam masyarakat Islam.

Universiti al-Azhar misalnya telah lama diserapi oleh idea Muhammad Abduh yang pernah menjadi seorang tokoh yang berpengaruh di dalam universiti itu. Di Saudi Arabia, idea Muhammad bin Abdul Wahhāb telah menguasai kerajaan Saudi Arabia dan tokoh-tokoh yang berkuasa di dalam negara itu. Fahaman Salaf (Wahabi) telah menjadi anutan rasmi Kerajaan Saudi Arabia. Di India dan Pakistan, idea ulama *Ahl Hadis/Salaf* telah tersebar dengan luasnya. Di Indonesia pula, fahaman Muhammadiyah dan PERSIS (Persatuan Islam) berkembang dengan pesatnya dan telah menjadi anutan ramai pemimpin dan tokoh yang berpengaruh (Mohd. Radzi Othman dan O.K. Rahmat, 1996 : 2).

Di negara-negara inilah ramai penuntut selatan Thailand datang belajar. Apabila mereka pulang ke tanah air, pada umumnya mereka telah melihat banyak penyelewengan yang masih menguasai masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, mereka tidak merombak perkara yang dianggap salah itu secara drastik.

Pada tahun 1980-1990, muncul beberapa orang ulama Patani yang lebih berani dan gigih dalam menentang ajaran-ajaran yang dianggap memesongkan umat Islam kepada jalan bidaah, khususnya dari segi akidah dan ibadat. Ulama-ulama tersebut secara terus-terang memperkenalkan ajaran Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan muridnya Muhammad ‘Abd al-Wahhāb dan gerakan ini dikenali sebagai *Wahhābī* (Abdullah Hayeesaid, 2002 : 13).

Selain *Wahhābī* atau Salafiah, kerajaan Thailand telah memperkenalkan *Program Pembaikan Pendidikan* di sekitar wilayah selatan semenjak tahun 1961M. Program ini bertujuan mengubah sistem pengajian pondok menjadi Sekolah Rakyat Mengajar Agama Islam (*Rongrian Rāsdr Son Sāsānā Islām*) (W.K. Cheman, 1990 : 97). Melalui program ini juga telah banyak buku-buku teks pengajian telah

diterbitkan. Antaranya, teks *Tauhid* untuk kelas tiga (1980M.), teks *Tauhid* untuk kelas empat (1992M.) dan teks *al-Tauhid* (Tauhid) untuk kelas lima (1992M.).

Dengan itu, adakah penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī boleh bertahan dan mengatasi arus penyebaran fahaman yang berdasarkan kepada mempertahankan ajaran *Salaf* dan *Program Pembaikan Pendidikan* di sekitar wilayah selatan Thailand?.

Berdasarkan fakta di atas, ternyata bahawa ajaran penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī sudah begitu lama bertapak di alam Melayu dan ia adalah sebahagian besar daripada ajaran ilmu Tauhid. Maka di bawah ini dikemukakan beberapa persoalan penting yang akan menjadi persoalan utama dalam penyelidikan ini:

- 1.1.1 Siapakah tokoh ulama yang telah bertanggungjawab untuk mengajar dan menyebarkan luas penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī?.
- 1.1.2 Sejauh manakah pengaruh dan kesan ajaran penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī terhadap ilmu Tauhid di selatan Thailand?.
- 1.1.3 Adakah penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī boleh bertahan dan mengatasi arus penyebaran fahaman yang berdasarkan kepada mempertahankan ajaran *Salaf* dan *Program Pembaikan Pendidikan* di sekitar wilayah selatan Thailand yang berlaku pada masa ini?.

Oleh sebab wujud keadaan seperti di atas, maka kajian yang mendalam harus dilakukan dan inilah yang menjadi tumpuan utama tesis ini.

1.2 Kajian Lalu

Kajian berkaitan dengan penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī seperti yang dijelaskan di atas adalah sesuatu yang masih agak baru di alam Melayu. Khususnya apabila membincangkan pengaruh dan kesannya terhadap ilmu Tauhid. Walau bagaimanapun pada sekitar tahun 80-an, ruang perbincangan tentangnya telah bermula khususnya melalui buku-buku penulisan dan penyelidikan. Terdapat beberapa buah penulisan dan kajian yang telah dihasilkan, antara adalah :

- 1.2.1 Mudasir Rosder telah menghasilkan sebuah buku tentang Tauhid pada tahun 1989M. Buku ini bertajuk *Asas Tauhid: Pertubuhan dan Huraianannya*. Kajian ini berfokus pada latar belakang sejarah kewujudan Sifat Dua Puluh yang telah dikemukakan oleh penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī diikuti dengan huraian secara terperinci serta mengemukakan isyarat-isyarat al-Quran dan hadis sebagai pendekatan terhadap Sifat Dua Puluh tersebut.
- 1.2.2 Abdul Rahman Haji Abdullah telah menulis sebuah buku tentang pemikiran Islam di Nusantara pada tahun 1990M. Buku ini bertajuk *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Ia mengkaji tentang perkembangan pemikiran umat Islam tradisional di alam Melayu termasuk akidah, syariah dan tasawuf dengan menumpu perhatian pada zaman pramoden.
- 1.2.3 Syed Muhammad Dawilah al-Edrus telah melakukan kajian tentang pemikiran Islam di alam Melayu untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di University of Edinburgh, Scotland pada tahun 1993M.

dengan tajuk ‘The Role of *Kitab Jawi* in the Development of Islamic Thought in the Malay Archipelago with special Reference to *Umm al-Barāhīn* and the Writing of the Twenty Attributes’. Kajian ini lebih banyak memberi fokus pada peranan kitab jawi dan para ulama tradisional Islam di kepulauan Melayu dalam proses pengislaman di sekitar kepulauan tersebut dengan mengutamakan penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī yang berkaitan dengan akidah Sifat Dua Puluh.

- 1.2.4 Fadzlina Ramli telah membuat kajian tentang penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī sebagai Latihan Akademik (B.A.), di Universiti Malaya, pada sesi pengajian 1996/1997 dengan tajuk ‘*Matan Umm al-Barahin : Sumbangan dan Peranannya dalam Pendidikan Aqidah Islamiyah di Nusantara*’. Kajian ini lebih banyak berfokus pada kesan pendidikan akidah dalam pembentukan peribadi ataupun sahsiah Muslim secara umum serta memberi huraian ringkas tentang isi kandungan penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī.
- 1.2.5 Hasan Madmarn telah menulis sebuah buku bertajuk *The Pondok & Madrasah in Patani* pada tahun 1999M. Tujuan buku ini dihasilkan adalah untuk menarik perhatian pembaca mengenai fungsi utama ulama Patani yang amat masyhur ketika Patani menjadi sebuah pusat tamadun Islam. Pada tahun 2001M., buku ini telah diterjemah kepada bahasa Melayu tulisan jawi dengan nama *Pondok dan Madrasah di Patani*.

- 1.2.6 Razi Jusoh telah menulis dalam *Forum Istac al-Hikmah Menjaja Akal-Budi Ummat* (Ahmad Bazli Shafi, ed.), bil 1 tahun 6 (2000) sepanjang 4 halaman, dimulai dari halaman 39-42 dengan tajuk ‘Sifat Dua Puluh: Satu Sorotan Sejarah’. Mengikut beliau al-Imām al-Sanūsī ialah orang yang bertanggungjawab menyusun *Matan Umm al-Barāhīn*. Berasaskan matannya itulah, para ulama telah menterjemah, mensyarah dan menyebarkannya di seluruh dunia. Dengan itu, pendidikan akidah melalui Sifat Dua Puluh adalah amat penting diteruskan dan dipertahankan oleh para ilmuwan Islam di rantau Melayu ini.
- 1.2.7 Ismai-e Katih telah melakukan kajian lapangan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana (M.A.) di Prince of Songkhla University, Pattani, pada tahun 2004M. dengan tajuk *อะชาอิเราะฮะ: ประวัติ แนวคิด และอิทธิพลต่อหลักศรัทธาของมุสลิมจังหวัดชายแดนภาคใต้* (Asha‘irah: Pravat Naeukhid Lae’ Itthiphon Tou Lak Sakhā Khong Muslim Changwad Chaidan Phāk Tai) ‘Asha‘irah: History, Idea and Its Influence upon the Muslim Faith in Southern Border Provinces of Thailand’ (Bahasa Thai). Kajian ini bertujuan mengkaji sejarah, pemikiran dan akidah Asyā‘irah serta pengaruhnya terhadap akidah Muslim di selatan Thailand dan hubungan antara pengetahuan mereka dengan akidah tersebut. Mengikut kajian ini kebanyakan para pemimpin agama Islam di selatan Thailand mempunyai pemikiran berbentuk Asyā‘irah.

Lantaran itu, pengkaji yakin bahawa kajian mengenai pengaruh dan kesan penulisan al-Imām al-Sanūsī terhadap ilmu Tauhid yang dicadangkan adalah antara kajian yang awal khususnya di selatan Thailand. Oleh yang demikian pengkaji

berkeyakinan bahwa kajian ini bakal mempunyai pertautan dan kesinambungan yang erat dengan kajian-kajian terdahulu.

1.3 Objektif Kajian

Memandangkan beberapa masalah yang telah dikemukakan belum diketengahkan oleh mana-mana pengkaji, maka pengkaji merasa bertanggungjawab untuk memecahkan masalah-masalah tersebut. Dengan itu, objektif atau tujuan kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.3.1 Untuk memahami latar belakang sejarah kemunculan dan perkembangan penulisan al-Imām al-Sanūsī.
- 1.3.2 Untuk memahami ajaran penulisan al-Imām al-Sanūsī dalam ilmu Tauhid.
- 1.3.3 Untuk memahami kondisi ilmu Tauhid di selatan Thailand.
- 1.3.4 Untuk mengetahui pengaruh dan kesan penulisan al-Imām al-Sanūsī terhadap ilmu Tauhid di selatan Thailand dan masa depannya.

1.4 Skop Kajian

Skop dan ruang lingkup kajian pengaruh dan kesan penulisan al-Imām al-Sanūsī terhadap ilmu Tauhid di selatan Thailand memang luas dan kompleks. Dengan itu, pengkaji sangat perlu kepada menentukan batasan-batasan kajian, agar dengan penentuan inilah pengkaji dapat membuat penelitian secara menyeluruh dan lebih terperinci berdasarkan batasan yang telah dinyatakan.

Pertama sekali ialah hal berkaitan dengan penulisan al-Imām al-Sanūsī dan ajarannya. Memandangkan begitu banyak penulisan yang telah dihasilkan oleh

beliau. Oleh itu, pihak pengkaji memilih sebuah buku yang paling terkenal iaitu *Umm al-Barāhīn*. Manakala ajarannya pula pengkaji hanya memberikan tumpuan kepada bahagian akaid yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah Taala sahaja kerana ia merupakan bahagian yang sangat-sangat berpengaruh dan berkesan khususnya di alam Melayu.

Kedua, hal berkaitan dengan ilmu Tauhid di selatan Thailand. Memandangkan banyak teks ilmu Tauhid yang dipelajari di selatan Thailand. Oleh sebab itu, pengkaji memilih beberapa buah teks ilmu Tauhid yang paling banyak dipelajari oleh para penuntut iaitu teks ilmu Tauhid yang telah menjadi kurikulum pengajian pada peringkat permulaan dalam beberapa sistem pengajian Islam di selatan Thailand iaitu teks *Farīdah al-Farā'id fī 'Ilm al-'Aqā'id* penulisan Syeikh Ahmad (sistem pengajian pondok), *Tauhid* untuk kelas tiga atau *Nangse Rian Wi'chā Eaeckphāp* keluaran Kementerian Pelajaran (Sekolah Swasta Mengajar Agama Islam) dan *Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Akidah Ahli Sunah Waljamaah) penulisan Abu Hanifah (Sekolah Swasta Mengajar Agama Islam 'Salafiah').

Selain kedua-dua hal tersebut, kajian ini akan mengemukakan juga sejarah yang berkaitan dengan al-Imām al-Sanūsī dan penulisan *Umm al-Barāhīn*, tokoh ulama yang telah bertanggungjawab untuk mengajar dan menyebarkan luas penulisan tersebut khususnya di selatan Thailand serta pengaruh dan kesannya terhadap ilmu Tauhid di rantau tersebut dan masa depannya.

Manakala bagi kawasan penyelidikan, pengkaji memberi fokus di selatan Thailand. Selatan Thailand yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kawasan wilayah Pattani (Patani), Narathiwat dan Yala atau yang dikenali sebagai *Patani*. Pemilihan ini kerana pada bahagian ini keseluruhannya mengandungi sebahagian besar penduduk yang beragama Islam iaitu 79.05% (*Raingān Kān Seksā Suan Phumiphāk Phāk Stiti* ‘Laporan Kajian Tempatan Bahagian Statistik’, 10 Jun 2000) yang mempunyai rumpun bangsa, keturunan, sejarah, pendidikan, kebudayaan, adat istiadat dan iklim yang sama dan seterusnya memiliki beberapa keistimewaan.

Patani di suatu masa dahulu pernah menjadi tumpuan penduduk Melayu Utara Semenanjung. Seajar dengan itu, ia berperanan sebagai pusat kegiatan Islam tertua serta pusat pertumbuhan tamadun kesusasteraan Melayu berunsur Islam (Mohd. Zamberi A. Malek, 1993 : xiii).

Tamadun dan kebudayaan Melayu Patani lebih berperibadi dan keunggulan peribadinya itu tidak pula digugat oleh budaya Barat pada abad kebelakangan ini kerana Patani satu-satunya negeri Melayu yang tidak dijajah oleh Inggeris. Hingga ke hari ini nilai kehidupan masyarakat peribumi Patani tetap kukuh dalam pembudayaan Melayu yang berlandaskan unsur pemikiran tamadun Islam (Mohd. Zamberi A. Malek, 1994 : ix).

Setiap pembahasan mengenai sejarah Islam di Dunia Melayu secara keseluruhan tidak mungkin tanpa mencakup kaum Muslim Patani (Azyumardi Azra, 1995 : 258).

1.5 Kepentingan Kajian

Masalah-masalah di atas dianggap penting dan dipilih sebagai fokus dalam kajian ini dengan enam alasan penting yang dikemukakan di bawah :

- 1.5.1 Dalam masyarakat selatan Thailand kajian pengaruh dan kesan penulisan keagamaan masih sangat sedikit dilakukan, terutama kajian-kajian tentang penulisan al-Imām al-Sanūsī. Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh dan kesan penulisan al-Imām al-Sanūsī terhadap ilmu Tauhid, nama-nama kajian yang berdasarkan kepada tujuan yang sama belum lagi wujud di selatan Thailand. Namun, terdapat juga beberapa buah kajian yang berkaitan dengan pengaruh, sedangkan tujuannya agak jauh berbeza sebagaimana telah nyatakan dalam kajian lalu.
- 1.5.2 Penulisan *Umm al-Barāhīn* karangan al-Imām al-Sanūsī telah membataskan dua puluh sifat yang wajib bagi Zat Allah Taala, wajib pula diketahui oleh setiap orang mukalaf pada peringkat yang paling minimum tentang akidah ketuhanan. Dalam kitab ini juga menyentuh tentang sifat-sifat mustahil, sifat yang harus pada hak Allah Taala selain itu disentuh tentang hubungan-hubungan sifat, dalil sifat-sifat yang wajib bagi Zat Allah Taala (Abdul Aziz Ambak bin Haji Ismail, 1991 : 82). Hal ini bersangkutan dengan soal iman kepada Allah Taala, dengan keesaan Tuhan atau Tauhid serta dengan maksud menjauhkan syirik, suatu dosa yang dianggap tidak terampun (Deliar Noer, 1980 : 15).
- 1.5.3 Kajian ini akan memberikan sumbangan kepada masyarakat Islam khususnya di selatan Thailand dalam memberi kesedaran tentang keadaan sebenar penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī.

1.5.4 Kajian ini memungkinkan peningkatan pemahaman Islam di selatan Thailand agar dapat memahaminya dengan baik.

Tanpa memahami pemikiran tradisional sukarlah untuk memahami pemikiran masa kini dengan baik (Mahayuddin Haji Yahaya, 1990b : xii).

Dengan pemahaman yang baik, kita akan mampu meramalkan perkembangan pada masa yang akan datang agar dapat meningkatkan wawasan baru dalam bidang kajian penulisan dan dakwah dalam pelbagai bidang ilmu yang berkaitan Islam yang masih berkurangan dan amat diperlukan oleh masyarakat Islam.

Usaha-usaha ke arah pengembalian kekuatan dan penghayatan nilai-nilai Islam melalui penjonjolan tokoh-tokoh ulama hendaklah diberi perhatian oleh semua pihak agar proses membentuk generasi berilmu dan dinamik akan tercapai (Mohd. Yusof bin Noor, 1991 : vi).

1.5.5 Kajian seperti ini merupakan satu cara yang sangat penting dalam usaha untuk mengingati kewibawaan dan keserjanaan dan menghargai jasa serta sumbangan tokoh-tokoh ulama terdahulu di samping usaha mempertahankan warisan tamadun Melayu.

Dalam cita-cita untuk menghargai warisan-warisan tradisional ini, para ilmuan [sic ilmuwan] Islam perlulah tampil mengambil bahagian dalam penyelidikan-penyelidikan ilmiah mengenainya supaya hasil peninggalan yang begitu berharga tidak diabaikan oleh jenerasi [sic generasi] sekarang dan akan datang. Sekiranya sumber-sumber ini diabaikan, maka tentu usaha mempertahankan tulisan jawi akan terjejas. Sekiranya ini berlaku pupuslah satu warisan tamadun Melayu dengan huruf-huruf jawi yang

berorientasikan huruf-huruf Arab yang perlu kita banggai dimana dengan keistimewaan ini anak-anak Melayu begitu mudah mempelajari Bahasa Arab (bahasa Al-Quran) [sic al-Quran] jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain (Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti, 1991 : 189).

Selanjutnya, keadaan ini juga memberikan peluang kepada para pengkaji lain untuk membongkar kekayaan khazanah ilmu Islam yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh terdahulu, keadaan ini adalah amat bermanfaat sekali terutamanya jika ingin mengetahui sejauh mana kewibawaan dan keserjanaan para ulama itu berjaya mengisi khazanah Islam di alam Melayu.

1.5.6 Melalui kajian ini, dapat memperkenalkan kepada masyarakat seorang tokoh iaitu al-Imām al-Sanūsī dan penulisan-penulisan beliau yang begitu banyak khususnya penulisan *Umm al-Barāhīn*. Sebahagian penulisan beliau akan disebut pada bab 2. Pemilihan ini kerana sebahagian besar daripada masyarakat Islam di alam Melayu ini masih belum mengenalinya dengan lebih mendalam.

Berdasarkan keenam-enam alasan tersebut, oleh sebab belum lagi wujud dalam mana-mana kajian yang berdasarkan tujuan yang sama, hal ini berkaitan dengan akidah Islam yang dapat menentukan kejayaan yang berkekalan, menyedarkan kondisi sebenar penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī, kajian ini adalah pantulan masa akan datang dan sebagai penghargaan para tokoh ulama terdahulu. Di samping memperkenalkan tokoh al-Imām al-Sanūsī dan tulisan-tulisannya, maka kajian ini dilakukan. Selanjutnya, pengkaji berpendapat bahawa setidak-tidaknya satu kajian tentang penulisan keagamaan diperlukan untuk

memperkaya khazanah perpustakaan mengenai aneka ragam fahaman keagamaan yang hidup dan berkembang di muka bumi ini.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian keperustakaan dan berbentuk kualitatif. Apabila memandang kepada tajuk kajian ini iaitu “Pengaruh dan kesan penulisan al-Imām al-Sanūsī terhadap ilmu Tauhid di selatan Thailand”, maka bermakna subjek kajian ini adalah dokumen bertulis iaitu penulisan al-Imām al-Sanūsī dan ilmu Tauhid di selatan Thailand. Namun, apabila memandang kepada objektif atau tujuan kajian yang telah diketengahkan, maka terdapat dua aspek penting kajian iaitu sejarah dan teks penulisan. Antara aspek kajian sejarah adalah sejarah penulisan al-Imām al-Sanūsī iaitu *Umm al-Barāhīn*, termasuk sejarah penulisnya iaitu tokoh al-Imām al-Sanūsī dan sejarah intelektual atau warisan ilmu Islam khususnya ilmu Tauhid di selatan Thailand. Adapun aspek kajian teks ialah kajian teks penulisan al-Imām al-Sanūsī iaitu *Umm al-Barāhīn* dan penulisan-penulisan ilmu Tauhid di selatan Thailand.

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan tentang cara menghasilkan kedua-dua aspek penting itu atau dengan kata lain apakah cara atau jalan untuk memahami latar belakang sejarah tokoh al-Imām al-Sanūsī, sejarah kemunculan dan perkembangan penulisan beliau iaitu *Umm al-Barāhīn* dan sejarah intelektual atau warisan ilmu Islam khususnya ilmu Tauhid di selatan Thailand. Seterusnya, apakah cara atau jalan untuk memahami ajaran teks penulisan *Umm al-Barāhīn* dan penulisan-penulisan ilmu Tauhid di selatan Thailand?

Dalam menghasilkan kedua-dua aspek penting ini ada dua cara yang terlibat iaitu, pertama melalui kaedah penyelidikan sejarah dan kedua, analisis teks. Pada aspek pertama, pengkaji akan menerapkan kaedah penyelidikan sejarah iaitu dimulai dengan pengumpulan data dan diikuti dengan penilaiannya. Kumpulan sumber data akan diklasifikasikan dan dibahagikan kepada tiga bahagian kumpulan, iaitu bahagian kumpulan yang berkaitan dengan sejarah tokoh al-Imām al-Sanūsī, sejarah penulisannya *Umm al-Barāhīn* dan sejarah intelektual atau warisan ilmu Islam khususnya ilmu Tauhid di selatan Thailand. Selanjutnya akan melihat analisis data dan diakhiri dengan kesimpulan.

Sumber data akan dikumpul untuk menghasilkan aspek kajian ini, sumber data tersebut berbentuk warisan bertulis seperti buku, manuskrip, ensiklopedia, majalah-majalah, kertas-kertas kerja, laman web dan sebagainya yang berkaitan dengan aspek tersebut, sama ada terdapat di kalangan Tuan Guru, penyelidik, bekas pelajar, tokoh-tokoh tempatan dan lain-lain lagi.

Pada aspek yang kedua, pengkaji akan menerangkan ajaran-ajaran yang berkaitan dengan akaid sifat-sifat Allah Taala secara terperinci khususnya ajaran yang terdapat di dalam teks penulisan *Umm al-Barāhīn*. Penulisan ini telah disyarahkan oleh al-Imām al-Sanūsī sendiri dengan nama *Syarah* □ *Umm al-Barāhīn* (Syarah kepada *Umm al-Barāhīn*), dengan itu syarahan tersebut merupakan bahan bertulis yang paling penting dalam memahami ajaran akaid sifat-sifat Allah Taala yang telah dikemukakan dalam penulisannya *Umm al-Barāhīn*.

Untuk tujuan mempermudah dalam memahami penulisan *Umm al-Barāhīn* al-Imām al-Sanūsī, pengkaji perlu menggunakan keadah yang digunakan di Sekolah Swasta Mengajar Agama Islam iaitu membahagikan teks penulisan kepada beberapa bahagian. Oleh itu, pengkaji akan membahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian pendahuluan, bahagian yang wajib bagi Zat Allah Taala iaitu dua puluh sifat yang wajib bagi Zat Allah Taala, bahagian yang mustahil bagi Zat Allah Taala iaitu dua puluh sifat yang mustahil bagi Zat Allah Taala, bahagian yang harus bagi Zat Allah Taala iaitu satu sifat yang harus bagi Zat Allah Taala dan bahagian tanda-tanda iaitu segala tanda yang berkaitan dengan bahagian-bahagian tersebut.

Seterusnya, pengkaji akan memberi keterangan untuk menyampaikan gambaran mental tentang setiap bahagian berkenaan dengan secara terperinci mengikut kaedah analisis deskriptif yang digunakan dalam sistem pengajian pondok iaitu memberi huraian mengikut apa-apa yang telah disyarahkan oleh al-Imām al-Sanūsī dan diikuti dengan apa-apa yang telah disyarahkan oleh para ulama selepas kelahiran penulisan *Umm al-Barāhīn* dengan menggunakan beberapa buah penulisan yang bersifat syarah atau hasyiah kepada teks penulisan tersebut. Namun, terdapat sedikit perbezaan iaitu huraian dalam kajian ini lebih berfokus pada kandungan ajaran-ajaran berkenaan tidak pada tatabahasa dan juga memberikan tumpuan hanya kepada penulisan-penulisan yang telah dihasilkan sebelum kelahiran penulisan ulama Patani atau selatan Thailand seperti *Syarh al-Imām al-'Allāmah Muḥammad bin Mansūr al-Hudhudī 'alā Umm al-Barāhīn* karangan al-Hudhudī, *Bidāyah al-Hidāyah* karangan Syeikh Muhammad Zain, *Kifayah al-'Awām fī 'Ilm al-Kalām* (Cukup bagi Orang Awam pada Ilmu Kalam) karangan al-Syaikh Muḥammad bin al-Syāfi'ī al-Fadālī (selepas ini akan disebutkan